

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR  
[ SILAM ]**

**TARIKH : 13 MAC 2014**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan peranan Kementerian dalam menangani isu “Palahu” yang terlalu banyak di Sabah. Golongan ini tidak mempunyai negara dan sentiasa berlegar di kawasan perairan Sabah, ia bukan sahaja memburukkan pemandangan kawasan bahkan boleh menjejaskan imej dan keselamatan negara sekiranya tiada penyelesaian dan langkah berterusan yang diambil oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Agensi-Agensi Penguatkuasaan di Sabah sentiasa membuat pemantauan dan juga penguatkuasaan ke atas golongan bukan warganegara dan juga pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuklah golongan Palau. Operasi-operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti Operasi Bersepadu (Ops Bersepadu) dan Ops Tanduk.

Agensi Penguatkuasaan di Sabah tidak menasarkkan mana-mana kaum atau warganegara tertentu dalam menguatkuasakan undang-undang negara. Sekiranya, mereka ini tidak mempunyai dokumen yang sah, atau menyalahi undang-undang dan Peraturan Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002), mereka akan ditangkap dan akan diusir ke negara asal.

Sekian. Terima kasih.